

13 JUN 2003

Mahathir-Umno

UMNO HARUS KEKALKAN KEMENANGAN 100 PERATUS BN DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad mahu Umno negeri Johor menggembelng tenaga bagi mempertahankan kemenangan 100 peratus Barisan Nasional (BN) di negeri kelahiran parti terbesar orang Melayu itu.

Presiden Umno itu yakin kejayaan menyapu bersih kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya umum lepas akan berulang menerusi permuafakatan Umno Johor.

"Marilah kita bersama-sama menggembelng tenaga bagi memastikan kemenangan seratus peratus Barisan Nasional dapat dipertahankan demi masa depan generasi baru agar kedaulatan Malaysia di mata dunia dapat dikekalkan.

"Saya percaya kemuafakatan Umno akan dapat mengekalkan prestasi bagi mencapai kemenangan seratus peratus di dalam pilihan raya umum akan datang. Insha 'Allah," kata Perdana Menteri dalam buku cenderamata Konvensyen dua hari Umno Johor yang akan dirasmikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Dr Mahathir berkata bersesuaian dengan peralihan kuasa pucuk pimpinan dan perubahan persempadanan kawasan baru, maka konvensyen itu akan dijadikan meja permuafakatan bersama di antara Umno dan BN Johor.

Beliau telah mengumumkan pengunduran dirinya dari jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada Oktober ini dan menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Dr Mahathir berkata Umno ditubuhkan di Johor 57 tahun lepas di atas kesedaran orang Melayu untuk bersatu menentang penjajah dan perpaduan yang dijalin itu telah berjaya mencapai kemerdekaan untuk negara.

Sementara itu Abdullah dalam kata-kata aluannya berkata kesepakatan anggota Umno perlu dikekalkan untuk menjamin keutuhan orang Melayu dan umat Islam.

"Dalam keadaan umat Islam ayng ditekan di segenap sudut di seluruh dunia dan bangsa Melayu masih ketinggalan jauh di belakang dalam banyak bidang, Umno perlu memainkan peranan menggembelng seluruh tenaga dan pelbagai usaha mengatasi kemelut ini," katanya.

Beliau berkata konvensyen dua hari itu merupakan wadah persiapan Umno Johor untuk menghadapi perhimpunan agung parti dan pilihan raya umum yang akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Menteri Besar pula berkata suasana ekonomi dan politik dunia akhir-akhir ini hanya menjelaskan bahawa Umno merupakan wadah tunggal untuk memastikan kemerdekaan orang Melayu.

"Sesungguhnya Umno dan Melayu tidak boleh dipisahkan kerana Umno adalah gagasan pertama yang memayungi orang Melayu yang ketika itu sudah pun terjajah lebih 450 tahun," katanya.

Menurutnya orang Melayu dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya akan menjadi lemah jika tiada perpaduan di kalangan mereka serta mendedahkan mereka untuk dijajah oleh kuasa-kuasa luar.

Umno, kata Abdul Ghani, tidak boleh alpa dan leka terhadap cabaran yang dihadapi itu malah perlu terus berfungsi untuk menyatukan semula orang Melayu serta kekal sebagai wadah ulung politik bangsanya.

Beliau berkata konvensyen kali ini amat penting bagi anggota parti untuk merapatkan barisan dengan mengambil iktibar pengalaman pilihan raya umum yang lepas dalam usaha mengekalkan kemenangan seratus peratus BN di

negeri ini.

"Antara kunci utama bagi menentukan kejayaan ini adalah komitmen setiap anggota parti di dalam memastikan perpaduan semakin kukuh selain rekod perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa boleh dinilai oleh rakyat," katanya.

-- BERNAMA
MHI MNY RON